

28 NOV 1996

Asean-pemimpin

WALAUPUN BERBEZA MEREKA TETAP BERSATU

Oleh: Ahmad Zukiman Zain dan E.Sivabalan

JAKARTA, 28 Nov (Bernama) -- Para pemimpin daripada 10 negara Asia Tenggara, yang melambangkan antara bentuk kerajaan paling lama daripada pemerintahan beraja, demokrasi, sosialisme kepada tentera, akan bertemu di sini Sabtu untuk Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean yang pertama.

Para pemimpin itu, di antara mereka, seorang Sultan, seorang putera raja, jeneral bersara dan seorang doktor, merupakan ketua kerajaan dari tujuh negara anggota Asean -- Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam -- dan rakan sejawatan mereka dari dua negara Indochina, Kemboja dan Laos selain Myanmar.

Ini merupakan "pertemuan semula" yang kedua bagi para pemimpin itu selepas Sidang Kemuncak Asean 1995 di Thailand. Para pemimpin itu membuat keputusan di Bangkok untuk mengadakan pertemuan yang lebih kerap dan tidak hanya pada sidang kemuncak yang diadakan tiga tahun sekali.

Asia Tenggara, yang mempunyai hampir setengah bilion penduduk, merupakan antara rantau paling pesat membangun di dunia. Pada tahun lepas jumlah barangan nilai eksport Asean ialah AS\$300 bilion (kira-kira RM750 bilion).

Brunei, sebuah negara yang kaya dengan minyak, akan diwakili oleh Sultan Hassanal Bolkiah, 50, lelaki terkaya di dunia, yang juga seorang juruterbang helikopter.

Presiden Suharto dari Indonesia adalah antara pemimpin paling lama berkhidmat. Bekas jeneral tentera itu menjadi presiden pada tahun 1967 selepas rampasan kuasa yang gagal terhadap bekas presiden alahyarham Sukarno.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula ialah seorang doktor perubatan yang menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai, 1981.

Presiden Filipina Fidel Ramos atau "Eddie" (nama jolokan), 68, ialah seorang lagi bekas jeneral tentera yang memainkan peranan penting dalam revolusi "kuasa rakyat" yang menjatuhkan bekas presiden mendiang Ferdinand Marcos.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, 55, seorang pakar ekonomi, memulakan kerjaya sebagai seorang pegawai pentadbir dan kemudian memimpin negara republik itu pada tahun 1991.

Seorang lagi bekas jeneral yang dijangka menyertai Sidang Kemuncak Asean buat kali pertama ialah Perdana Menteri Thailand yang baru dilantik, Chavalit Yongchaiyudh. Bekas komander tentera Thailand itu mengangkat sumpah jawatan pada Isnin lepas.

Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet, 74, ialah anggota politburo Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam. Beliau memainkan peranan penting dalam membuat pembaharuan dalam ekonomi negara itu pada tahun 1986.

Kemboja akan diwakili Perdana Menteri bersama Putera Norodom Ranariddh dan Hun Sen, 45, manakala Laos oleh Perdana Menteri Khamtay Siphandone, 72. Pemimpin Laos itu kini berada di sini untuk lawatan rasmi.

Perdana Menteri Myanmar Jen Than Shwe, 63, ialah pengerusi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar.

Dengan tarikh kemasukan Yangon ke dalam perkumpulan tujuh anggota itu masih menjadi tanda tanya, sidang kemuncak itu mungkin memberi tumpuan kepada isu itu.

Malaysia mahu Myanmar selain Kemboja dan Laos diterima masuk sebagai anggota Asean pada tahun depan apabila Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat tahunan peringkat menteri. Tahun depan juga menandakan ulangtahun

Asean ke-30.

Kebanyakan pemimpin itu akan diiringi menteri luar masing-masing walaupun tidak ada mesyuarat antara menteri sebelum sidang kemuncak tidak formal itu di Jakarta Hilton. -- BERNAMA

ES AZZ AKD